

**Dewan Negara Luluskan Lima Rang Undang-undang Berkaitan Keselamatan Negara
Bernama
09 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Dewan Negara Rabu meluluskan lima rang undang-undang yang berkait rapat dengan hal-hal berkaitan keselamatan negara.

Rang undang-undang yang diluluskan itu termasuk yang mencetuskan perdebatan hebat iaitu Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 bagi menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960.

Rang undang-undang yang dibahagikan kepada lapan bahagian itu dibentang ekoran pemansuhan ISA 1960 seperti diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada September tahun lepas.

Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 yang dibentangkan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Liew Vui Keong itu, antara lain, bertujuan menjamin keselamatan negara dan ketenteraman awam daripada ancaman keganasan, sabotaj serta pengintipan.

Empat lagi rang undang-undang yang diluluskan tanpa pindaan ialah Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2012; Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No.2) 2012; dan Rang Undang-Undang Keterangan (Pindaan)(No.2) 2012. Turut diluluskan Rang Undang-Undang Laut Wilayah 2012.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=664930>